

PKR: Beli kondo guna dana NFC keputusan 'gila'
The Malaysian Insider
14 November , 2011
Oleh Shannon Teoh

KUALA LUMPUR, 14 Nov — Parti Keadilan Rakyat (PKR) mengecam penjelasan Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin kononnya pembelian kondominium di Bangsar bernilai RM10 juta menggunakan dana Pusat Fidlot Kebangsaan (NFC) dengan menyifatkannya sebagai satu keputusan "gila".

Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli berkata, jika pun ada aliran tunai sementara menanti lebih banyak pusat ternakan satelit di sekitar Gemas, ia wajar diletakkan sebagai "pelaburan cair" seperti melabur di pasaran wang ataupun ekuiti berbanding membeli hartanah.

"Ia satu keputusan yang gila," kata beliau pada sidang media hari ini.

Hari ini, Rafizi berkata Jabatan Perkhidmatan Penilaian dan Hartanah mendapati bahawa pada akhir tahun lalu sebanyak 66,328 unit kondominium tidak terjual.

Katanya, jabatan itu juga mendapati 20 peratus kondominium bernilai RM1 juta atau lebih yang dibina pada suku ketiga tahun ini tidak terjual, bernilai hampir RM549 juta.

"Pakar hartanah antarabangsa DTZ Research juga berkata pada 10 November bahawa risiko kejatuhan harga bagi hartanah mewah juga akan berterusan dan bekalan berlebihan hartanah mewah akan mengurangkan hasil daripada sewa," kata Rafizi.

Rafizi juga mencabar Khairy agar berdebat secara terbuka dengannya pada bila-bila masa dan di mana-mana mengikut pilihan Ketua Pemuda BN itu.

Minggu lalu, Khairy mempertahankan penyaluran dana hampir RM10 juta daripada projek NFC, yang dikaitkan dengan keluarga Datuk Seri Shahrizat Jalil sambil berkata, tiada unsur penyelewengan dalam pembelian hartanah itu sebaliknya ia merupakan satu bentuk "pelaburan yang paling selamat."

Sehubungan itu Ketua Pemuda Umno ini menegaskan, Parti Keadilan Rakyat (PKR) sekali lagi telah membuat tuduhan tidak berasas untuk memesong rakyat berhubung isu NFC.

"Semalam mereka cuba memesongkan rakyat dengan tuduhan penyelewengan dana bagi membeli apartmen One Menerung, Bangsar yang dikatakan hak milik keluarga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Perkara ini mudah disensasikan kerana jika dilihat sepintas lalu pasti ramai akan tanya apa kaitan projek NFC dengan pelaburan hartanah? PKR mungkin rasa teruja dengan hujah mereka tapi saya ingin tegaskan bahawa tuduhan tersebut jauh terpesong, bak jauh panggang dari api," kata Khairy.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-beli-kondo-guna-dana-nfc-keputusan-gila/>